

Rujukan Kami : LPIPM : SO/BHB/01/01/4 ( II )

Tarikh : 19 Mei 2017



## PEMAKLUMAN KEPERLUAN MENDAPATKAN SIJIL PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS) BAGI BAHAN BINAAN IMPORT

### 1. TUJUAN

Bahan Binaan yang tertakluk di bawah Jadual Ke-4 Kastam perlu mendapatkan sijil Perakuan Pematuhan Standard (PPS) sebagai syarat utama bagi proses permohonan *Certificate of Approval* (COA) bermula dari tarikh yang ditetapkan.

Pengimport perlu memohon nombor PPS menerusi sistem [ccpm.gov.my](http://ccpm.gov.my) dan seterusnya menggunakan sistem e-permit ([epermit.dagangnet.com](http://epermit.dagangnet.com)) untuk permohonan COA.

### 2. OBJEKTIF

- 4.1 Memperakukan setiap bahan binaan yang telah memenuhi keperluan standard yang telah ditetapkan.
- 4.2 Menyeragamkan penggunaan sijil PPS diantara bahan import dan bahan tempatan.
- 4.3 Melindungi hak pengguna daripada mendapat bahan binaan yang tidak berkualiti serta dapat menjamin keselamatan dan kesihatan orang awam.

### 3. PENGUATKUASAAN

Penguatkuasaan akan dijalankan secara berperingkat berkuatkuasa mengikut tarikh yang ditetapkan seperti berikut:

**1 Julai 2017** – Penguatkuasaan penuh bagi permohonan *Certificate of Approval* (COA) kaedah Laporan Ujian Penuh/ *Full Type Test Report* (FTTR).

**1 September 2017** – Penguatkuasaan penuh bagi permohonan *Certificate of Approval* (COA) kaedah Pensijilan Produk (PC).

Panduan permohonan COA adalah seperti di **Lampiran A**.

“ MEMBINA KEJAYAAN ANDA ”

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'SAZALI CHE AMAT', written over a horizontal line. The signature is stylized and somewhat cursive.

(SAZALI CHE AMAT)  
Pengurus Besar

Bahagian Bahan Binaan  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)  
19 Mei 2017

**PANDUAN PERMOHONAN COA BERMULA 1 JULAI 2017**

**1. KAEDAH JANGKA MASA PENDEK (SHORT TERM)/ FULL TYPE TEST REPORT (FTTR)**

- i. Pengimport membuat permohonan PPS di sistem CCPM ([ccpm.cidb.gov.my](http://ccpm.cidb.gov.my));
- ii. Pengimport seterusnya membuat permohonan COA dan memilih kaedah "COA" di dalam sistem E-permit ([www.epermit.dagangnet.com](http://www.epermit.dagangnet.com));
- iii. Pengimport perlu memasukkan nombor PPS sebagai syarat utama proses permohonan COA.

**2. KAEDAH JANGKA MASA PANJANG/ SIJIL PRODUK (PC).**

**a) Verifikasi kilang telah dilaksanakan:**

- i. Pengimport mendapatkan sijil produk yang sah;
- ii. Verifikasi kilang luar negara dilaksanakan oleh wakil CIDB;
- iii. Pengimport mendapatkan pengesahan keputusan verifikasi dari CIDB dalam tempoh 14 hari selepas tarikh verifikasi;
- iv. Pengimport membuat permohonan PPS melalui sistem CCPM ([ccpm.cidb.gov.my](http://ccpm.cidb.gov.my));
- v. Pengimport seterusnya membuat permohonan COA dan memilih kaedah "COA " di dalam sistem E-permit ([www.epermit.dagangnet.com](http://www.epermit.dagangnet.com));
- vi. Pengimport perlu memasukkan nombor PPS sebagai syarat utama proses permohonan COA.

**b) Verifikasi kilang belum dilaksanakan.**

- i. Pengimport membuat permohonan rasmi ke CIDB HQ (Bahagian Bahan Binaan) untuk kebenaran khas.
- ii. CIDB HQ (Bahagian Bahan Binaan) mengeluarkan surat kebenaran khas untuk permohonan COA tanpa nombor PPS.
- iii. Pengimport membuat permohonan COA dan memilih kaedah "COA with Condition" dan menyertakan surat kebenaran dari CIDB HQ (Bahagian Bahan Binaan).

***Nota: Kaedah 2b hanya terpakai sehingga 31 Ogos 2017.***

### **3. KAEDAH PENGECUALIAN :-**

#### **A. PENGECUALIAN PENGUJIAN SAHAJA**

- i. Pengimport membuat permohonan rasmi ke CIDB HQ (Bahagian Bahan Binaan) untuk kebenaran pengecualian pengujian;
- ii. CIDB HQ (Bahagian Bahan Binaan) mengeluarkan surat kebenaran kepada pemohon sekiranya layak;
- iii. Pengimport membuat permohonan COA dan memilih kaedah "COA with Condition" dan menyertakan surat kebenaran dari CIDB HQ (Bahagian Bahan Binaan).

#### **Nota:**

- i. Pengecualian Pengujian adalah merujuk kepada buku Tatacara Mengimport Produk Binaan seperti yang dinyatakan dalam Item 14.0. (Sila Rujuk Lampiran B).*
- ii. Kaedah ini memerlukan verifikasi produk dijalankan di pintu masuk/ pelabuhan sebelum COA dikeluarkan.*
- iii. Bayaran verifikasi sebanyak RM1,000 dikenakan bagi setiap konsainmen*

#### **B. PENGECUALIAN PENUH (VERIFIKASI DAN PENGUJIAN)**

- i. Pengimport membuat permohonan rasmi ke CIDB HQ (Bahagian Bahan Binaan) untuk memohon kebenaran pengecualian penuh;
- ii. CIDB HQ (Bahagian Bahan Binaan) mengeluarkan surat kebenaran kepada pemohon sekiranya layak;
- iii. Pengimport membuat permohonan COA dan memilih kaedah "COA Exemption" dan menyertakan surat kebenaran dari CIDB HQ (Bahagian Bahan Binaan) .

## LAMPIRAN B

### 14.0 SENARAI PENGELUARAN COA

Permohonan pengecualian COA boleh dipertimbangkan berasaskan kepada syarat-syarat berikut :

- a) arahan-arahan dari masa ke semasa yang ditetapkan oleh pihak MITI
- b) tujuan import untuk pengujian di makmal yang diluluskan oleh CIDB, Surat sokongan daripada CB;
- c) sampling yang diambil oleh pegawai CIDB untuk tujuan ujian dari kilang luar negara;
- d) jubin yang tidak termasuk dalam perintah kastam, seperti jubin buatan tangan, bukan jenis *dry-pressed* atau *extruded type*, kaedah pembuatan yang tidak termasuk dalam MSO ISO 13006;
- e) pengimportan sanitary ware bukan dalam senarai ms 147, ms 1522 dan ms 795; dan
- f) tujuan import adalah untuk kegunaan terhad dan atas penilaian CIDB mempunyai asas dan kewajaran untuk diberi pengecualian

Berikut adalah senarai pengecualian COA bagi tujuan pameran atau sampel

Item	Keterangan Produk	Kuantiti Dibenarkan
1	Jubin Seramik	3m <sup>2</sup> /kod rekabentuk 10m <sup>2</sup> untuk pameran
2	Sanitary Ware	2 unit/model
3	Simen	500 kg
4	Besi Dan Keluli	500 kg
5	Glass Products	500 kg
6	Cement Flat Sheets	500 kg
7	Radiant Barriers	500 kg